

29/07/1997

Perkongsian pintar makmurkan negara (HL)

off

LANGKAWI, Isnin - Kestabilan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah hasil perkongsian pintar yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan memberikan pengagihan adil dan saksama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, BN mewakili satu perkongsian pintar kerana pertimbangan yang diberi bukan hanya berlandaskan kepada siapa kuat atau besar, sebaliknya kepada perkongsian adil di mana yang kecil dan lemah turut menikmati sesuatu.

"Bukan niat saya untuk menyatakan pendekatan politik di Malaysia adalah satu-satunya cara menguruskan politik. Saya juga tidak berpendapat sistem kami adalah sempurna dan harus diamalkan oleh semua.

"Saya hanya menyatakan bahawa pendekatan kami dalam mengamalkan demokrasi sudah menghasilkan perkongsian pintar yang seterusnya menyumbang kepada kestabilan dan apa sahaja pertumbuhan ekonomi yang dinikmati," katanya berucap pada jamuan Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID'97) di sini, malam ini.

Forum bertemakan 'Perkongsian Pintar dalam Pelaksanaan' itu menemukan kira-kira 360 peserta terdiri daripada ketua-ketua negara dan kerajaan, tokoh korporat dan pegawai kanan kerajaan di pulau bebas cukai ini untuk berdialog secara informal.

LID'97, ketiga dalam sirinya sejak tiga tahun lalu, mempelopori konsep perkongsian pintar sebagai satu pendekatan dalam hubungan antara pelbagai peringkat.

Dr Mahathir yang terbabit dalam dua LID sebelum ini, memilih perkongsian pintar dalam politik sebagai tema ucapannya kali ini dengan menggariskan pengalaman BN dan Perikatan sebelum itu, dalam mewujudkan perkongsian menubuhkan kerajaan yang mampu memerintah sejak merdeka hingga sekarang.

"Kami mengenal pasti keperluan untuk mewujudkan perkongsian di Malaysia, yang adil dan saksama, lebih penting kerana negara kami mempunyai pelbagai kaum, bahasa, budaya dan agama.

"Adil dan saksama perlu ditekankan, bukannya mengenai perkongsian sama rata yang mutlak. Perkongsian sama rata yang mutlak adalah sesuatu yang tidak praktikal. Ia selalunya tidak adil dan menghindar potensi manusia.

"Perkongsian adil dan saksama perlu berhubung kait dengan keadaan, sumbangan dan fungsi yang dimainkan oleh rakan kongsi. Idea bahawa merit sahaja menentukan pengagihan nikmat adalah bercanggah dengan keadilan dan saksama. Faktor lain perlu diberi pertimbangan," katanya.

Perdana Menteri turut merujuk kepada perkongsian tidak pintar yang dapat disaksikan di peringkat antarabangsa sekarang. Konflik antara negara sekarang adalah kesan perkongsian paksa yang tidak pintar.

"Kuasa besar mengaut hampir semua untuk diri mereka dan menafikan negara kecil dalam apa bentuk pun," katanya dengan mengambil Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebagai contoh.

Menurutnya, apa sahaja kelebihan daya saing yang dimiliki negara membangun dianggap tidak adil dan tidak berasas.

Berikutan itu, kos buruh yang rendah, sumber asli dan kerajaan stabil, semuanya dianggap tidak bertepatan dan tidak boleh diterima.

"Bagaimanapun, kelebihan berdaya saing negara berkuasa besar semuanya dianggap berasas dari segi perundangan, adil dan bertepatan. Sebagai contoh, ia dianggap adil dan bertepatan bagi syarikat dan bank dari negara maju untuk bersaing dengan industri kecil dan bank dari negara membangun

yang miskin.

"Negara miskin mesti membuka pasaran kepada yang kaya. Hakikat bahawa tidak ada bank atau industri dari negara berkenaan mampu mengambil kesempatan terhadap pasaran di negara kaya dianggap tidak relevan," katanya.

(END)